SENTIASA GIGIH MENEROKA

# E-TITIAN

ايتيتيان

2021 / BILANGAN 01



## CABARAN COVID-19

SYARIKAT GURU MELAYU SINGAPURA KOPERATIF BERHAD
SINGAPORE MALAY TEACHER CO-OPERATIVE LTD




**PENGERUSI JAWATANKUASA PENERBITAN DAN KEANGGOTAAN**
Cikgu Mohd Faizal Ismail

**KETUA EDITOR**
Dr Hirman Mohamed Khamis

**JAWATANKUASA PENERBITAN**
Profesor Madya Dr Kamsiah Abdullah
Drs Hamsani Raoh
Cikgu Abdullah Sardi
Cikgu Kamiti Nahim
Cikgu Mazli Mahmood
Cikgu Abdul Rahman Ibrahim

**PENYELERAS**
Puan Harniza Abdull Rahim

Titian diterbitkan oleh:
Jawatankuasa Penerbitan dan Keanggotaan SGM (2021/ 2022).

Segala tulisan yang terdapat di dalam Titian adalah pendapat penulis dan bukanlah pandangan atau pendapat Lembaga Pengarah SGM. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menyumbangkan artikel e-Titian ke-01.



# INTISARI

03 LIDAH PENGARANG
04 PERUTUSAN PENGERUSI
05 LEMBAGA PENGARAH SESI 2021-2022
06 STAF BAHARU SESI 2021
07 SOROTAN AGM
08 IMPAK COVID-19
10 KATA-KATA HIKMAH DARI NEGERI CHINA
12 DARI DAPUR SGM
14 COVID-19 TIDAK MEMATAHKAN SEMANGAT
16 KEHIDUPAN DAN PEKEJAAN DEMI KESIHATAN MENTAL
18 MASAM-MASAM MANIS: KENANGAN MANDI SAFAR
19 COLLABORATION BETWEEN SINGAPORE MALAY TEACHERS' CO-OPERATIVE LTD WITH FINANCIAL SHARIAH ADVISORY AND CONSULTANCY (FSAC)
20 HOW CO-OPERATIVES CAN BE A VIABLE ALTERNATIVE TO COMMERCIAL BANKS
21 KNOW OUR CO-OPS SERIES: SYARIKAT GURU-GURU MELAYU SINGAPURA KOPERATIF BHD (SINGAPORE MALAY TEACHERS' CO-OPERATIVE LTD
22 WHY CREDIT CO-OPERATIVES IN SINGAPORE CAN BE THE FIRST (AND NOT LAST) PLACE YOU TURN TO?

# LIDAH PENGARANG

ليده ڤڠارڠ

ڤارا اهلي ايس.جي.عيم. دان ڤارا ڤمباچ يڠ بوديمن,

ڤد تاهون اين كيت اكن مراءيكن اولڠتاهون ايس.جي.عيم. يڠ ک 90 . ايس.جي.عيم. باكل منربيتكن سبواه بوكو خاص اونتوق كيت
كيني. ايس.جي.عيم. تله مماءينكن ڤرانن يڠ امت ڤنتيڠ باڬي ک سام ٢ مناتڤ كمبالي سجاره ڤرجواڠن ايس.جي.عيم. دري مولا هيڠ
مپوكوڠ كسجهتراءن ايكونومي ڤارا ڬورو ملايو دنڬارا اين سجق ترتوبوهڽ ايس.جي.عيم. ڤد تاهون 1931
ڤد كتيک اين كيت سدڠ برڬلوت دڠن ڤنديميک دڠن هارڤن كيت اكن منڠ دڠن سچڤت موڠكين. نامون كيت برسديا اونتوق منروسكن
ترڤقسا ممبوات ک كهيدوڤن دالم نورما بهارو برسرتا ايندميک يڠ اكن منجادي سسواتو يڠ لازيم دالم هيدوڤ كيت. ايس.جي.عيم. جو
ببراڤ ڤپسواين دالم اوڤراسي ڤرتوبوهن دسببكن كوۏيد 19
.دالم ممستيكن كيت تروس برڬرق كهادڤن، ايس.جي.عيم. تله ممباوا ببراڤ ڤمبهارون اڬر كيت ككل ريلۏن دان برمنفعة كڤد سموا اهلي
)انتارا ڤمبهارون ايت اداله )ا( منداڤتكن نصيحت ڤاكر اڬام اونتوق ممستيكن اكتيۏيتي كواڠن ايس.جي.عيم. منوروت شرية دان )اا
.سڬالا اوروسن كاهلين, كواڠن دان ڤنتدبيرن داڤت دلقساناكن سچارا دالم تالين تنڤا كڤرلوان مڠحاضركن ديري دڤجابت ايس.جي.عيم
.ايس.جي.عيم. تروس ماجو جاي دان برمنفعة كڤد ڤارا اهلي، مشاركة دان نڬارا

Para ahli SGM dan para pembaca yang budiman.

Pada tahun ini kita akan meraikan ulangtahun SGM yang ke 90. SGM bakal menerbitkan sebuah buku khas untuk kita sama-sama menatap kembali sejarah perjuangan SGM dari mula hingga kini. SGM telah memainkan peranan yang amat penting bagi menyokong kesejahteraan ekonomi para guru Melayu di negara ini sejak tertubuhnya SGM pada tahun 1931.

Pada ketika ini kita sedang bergelut dengan pandemik dengan harapan kita akan menang dengan secepat mungkin. Namun kita bersedia untuk meneruskan kehidupan dalam norma baharu berserta endemik yang akan menjadi sesuatu yang lazim dalam hidup kita. SGM juga terpaksa membuat beberapa penyesuaian dalam operasi pertubuhan disebabkan Covid-19.

Dalam memastikan kita terus bergerak ke hadapan, SGM telah membawa beberapa pembaharuan agar kita kekal relevan dan bermanfaat kepada semua ahli. Antara pembaharuan itu adalah (i) mendapatkan nasihat pakar agama untuk memastikan aktiviti kewangan SGM menurut Shariah dan (ii) segala urusan keahlian, kewangan dan pentadbiran dapat dilaksanakan secara dalam talian tanpa keperluan menghadirkan diri di pejabat SGM.

Semoga SGM terus maju jaya dan bermanfaat kepada para ahli, masyarakat dan negara.

# PERUTUSAN PENGERUSI

سكيلس ارتيكل دالم توليسن جاوي

سوده باڤق ڤروبهن يڠ برلاكو ڤد ايس.جي.عيم. ستله ڤرتوبوهن اين منجڠكاو عمور 90 تاهون. ايس.جي.عيم. اكن برݢرق كأره شرعية دالم اوسها كواڠنڽ دڤندو اوليه ڤارا علماء يڠ ڤاكر. سلاءين ايت، كوۏيد19- تله منولق ايس.جي.عيم. كأره ڤڠݢوناءن اءي.تي. يڠ لبيه مڤلوروه، دري منجالنكن مشوارت سچارا دالم تالين سهيڠݢ مڽدياكن ڤلتفوم ديݢيتل اونتوق ڤارا اهليڽ دالم ڤڠوروسن، ڤنتدبيرن، كواڠن دان كومونيكاسي.

Sekali air pasang sekali pantai berubah. Begitu juga dengan keadaan SGM yang sudah berusia 90 tahun ini. Perubahan sistem pelajaran di Singapura dalam beberapa dekad yang lalu hingga sekarang menjadi satu cabaran bagi SGM menambah keanggotaannya. Tanggapan bahawa SGM hanya untuk guru Bahasa Melayu perlu dihakis. Perlu dinyatakan bahawa peraturan sekarang membolehkan guru-guru menjadi anggota lebih dari satu Koperatif di Singapura ini.

Kami di SGM sekarang ini sedang bekerjasama dengan pihak PERGAS FINANCIAL SHARIAH ADVISORY AND CONSULTANCY bagi mengurus SGM secara Shariah. InsyaAllah dalam masa terdekat SGM akan menguruskan simpanan dan pinjaman kepada anggota tanpa was-was.

Dengan adanya pandemik Covid-19 sekarang, maka timbul kesedaran untuk mengurus Syarikat berlandaskan apa yang disebut sebagai 'the new normal'. Pengurusan serta pertalian hubungan dengan anggota telah memasuki ke tahap yang baru. Buat masa kini hampir kesemua mesyuarat BOD dan Jawatankuasa Kecil dijalankan secara 'Zoom'. Besar kemungkinan lain lain urusan seperti permohonan pinjam meminjam atau permohonan menjadi anggota akan di jalankan secara 'on-line'.

Cara 'Syarikat Kampung' yang utamakan urusan temu-muka mahu tidak mahu akan beralih kepada urusan secara digital. Untuk persiapan teknologi baru SGM telah berurusan dengan Syarikat Aplivon Singapura bagi meningkatkan sistem operasi pejabat yang lebih canggih.

Semoga kita terus maju bersama sebagai syarikat yang berpengalaman dan berprestasi untuk dekad-dekad mendatang.

Sekian. Wassalam.



# LEMBAGA PENGARAH SESI 2021-2022



**HJ JOHARI MOHAMED RAIS, PBM**
CHAIRMAN



**MR MOHD FAIZAL ISMAIL**
FIRST DEPUTY CHAIRMAN



**ASSOC. PROF. ROKSANA BIBI ABDULLAH**
SECOND DEPUTY CHAIRMAN



**MR MOHD FAIZAL FADZLILLAH**
THIRD DEPUTY CHAIRMAN



**MR ABDUL RAHMAN IBRAHIM**
MEMBER



**MR SYED MOHAMAD ALSAGOFF**
MEMBER



**DRS HAMSANI RAOH**
MEMBER



**MR KAMITI NAHIM**
MEMBER



**DR HIRMAN MOHAMED KHAMIS**
MEMBER



**ASSOC. PROF. KAMSIAH ABDULLAH**
MEMBER

## AUDIT COMMITTEE



**MR ABDULLAH SARDI**
MEMBER



**MR MUHD ARIFF MOHD NOOR**
MEMBER



**MR MAZLI MAHMOOD**
MEMBER



**MR MOEN KASIR**
MEMBER

## ADMINISTRATIVE STAFF



**MR IDRIS AZIZ MATTAR**
GENERAL MANAGER



**MR ABDUL RAB MD. TAIB**
SENIOR ACCOUNTS OFFICER



**MDM FARIDAH AHMAD TOKA**
ACCOUNTS OFFICER



**MDM HARNIZA ABDULL RAHIM**
ACCOUNTS OFFICER



**MDM HARTINI BTE ABDUL HAMID**
HR OFFICER



**MS NATASYA ROSLAN**
MEMBERSHIP/ LOAN OFFICER

# STAF BAHARU SESI 2021

Para ahli Lembaga Pengarah SGM bersama warga kerja pejabat SGM ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada Pengurus baharu SGM iaitu Cikgu Idris S A Mattar dan juga staf baharu Puan Hartini Bte Abdul Hamid dan Nurul Natassya Bte Roslan. Semoga penyertaan mereka dalam pasukan SGM akan memantapkan lagi prestasi pertubuhan ini.

**CIKGU IDRIS**



**SITI NATASYA**



**HARTINI**





**CIKGU MOEN**



**JAMILAH**



**NORLIZA**

Kami di SGM juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada dua orang mantan staf SGM iaitu Puan Norliza Bte Ripin dan Puan Jamilah Bte Ahmad. Puan Norliza telah berkhidmat di SGM sebagai seorang pegawai eksekutif selama 20 tahun manakala Puan Jamilah pula sebagai sumber manusia selama 10 tahun. Semoga terus mereka mengecapi kejayaan pada masa akan datang, di mana sahaja mereka berkhidmat. dan selamat bertugas kepada Pengurus baharu SGM.

Setinggi-tinggi penghargaan pula buat Mantan Pengurus kita, Cikgu Moen Kasir atas khidmat beliau yang cemerlang memimpin pasukan pentadbiran selama ini.



# SOROTAN AGM

## MENGUKUHKAN KEBERADAAN SGM DI KALANGAN ANGGOTA DAN MASYARAKAT

SGM berumur 90 tahun dan adalah kooperatif terawal ditubuhkan di Singapura. SGM telah mengharungi berbagai cabaran dan melayari beberapa era. Demi memastikan SGM terus bertenaga meneruskan pelayarannya demi memberi khidmat kepada para anggotanya dan masyarakat, SGM telah membuat beberapa penyesuaian;

### Pembaharuan Pucuk Kepimpinan.

SGM telah mengorak langkah untuk menambah darah muda di kalangan anggota Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Dalaman. Salah satu inisiatif yang akan diambil ialah dengan menjemput anggota-anggota muda SGM untuk terlibat sama dalam perbincangan Strategik SGM. Usaha ini akan membolehkan SGM mengenal pasti anggota-anggota yang berpotensi untuk jadi pelapis kepada golongan pemimpin SGM.

### Menaik taraf Mod Operasi SGM.

SGM sudah hampir ke tahap akhir proses digitalisasi system kewangan dan keanggotaannya. SGM juga telah menaik taraf segala peralatan digital; baik dari segi 'software' dan 'hardware'. Dalam proses pengurusan transaksi kewangan juga semakin dipermudahkan melalui pembayaran melalui 'Paynow'. Usaha-usaha ini membuktikan semangat SGM 'Gigih Meneroka' demi pihak-pihak berkepentingan atau 'stakeholders'.

### Menaik taraf dan sentiasa mengemas kini wadah-wadah komunikasi SGM.

Lelaman jaringan SGM kini telah dikemas kini dan lebih interaktif untuk memenuhi trend dan permintaan para anggota di alaf ini. Selain lelaman jaringan, SGM akan meneroka wadah sosial media yang ada bagi memastikan komunikasi dengan para anggota berjalan lancar.

### Menjalin kerjasama dengan entiti perniagaan bagi menambah nilai kepada keanggotaan SGM.

Anggota-anggota SGM akan dapat meraih keuntungan dari segi promosi, diskaun dan khidmat tersedia yang diberikan oleh 'partners' SGM.

Buat masa ini, SGM sedang bekerjasama dengan PERGAS bagi mendapatkan Pensijilan Patuh Syariah (Syariah Complaint). Sejak awal, proses-proses SGM sudah berasaskan Syariah. Dengan Pensijilan Patuh Syariah, imej dan tata cara SGM menjalankan urusan lebih nyata.

### SGM sumber informasi kooperatif.

SGM sentiasa menyampaikan informasi dan khabar penggerakan kooperatif kepada para anggota dan masyarakat. SGM adalah kooperatif yang bukan sahaja terlibat dengan aktivti-aktiviti bagi kepentingan para anggotanya tetapi juga giat menyumbang kepada masyarakat. SGM giat menyumbang dana dalam menyokong usaha badan-badan kebajikan seperti Muslim Counselling Services dan kumpulan Blk 642 Pasir Ris Dr 10. Semangat menyumbang kepada masyarakat juga giat di tajaka-tajaka kelolaan SGM. Murid-murid dan guru-guru tajaka SGM juga mengadakan aktiviti memberi barangan dapur kepada keluarga- keluarga yang kurang berkemampuan.

CIKGU MOHAMMAD FAIZAL ISMAIL

# IMPAK COVID-19

OLEH: CIKGU ABDULLAH SARDI, CIKGU MAZLI MAHMOOD & PUAN SITI MARYAM LIM

سکيلس ارتيکل دالم توليسن جاوي

ارتيکل اين برفوکوس کڤد کسن٢ نيݢاتيف يڠ دباوا اوليه ڤنديميک کوۏيد19-. دري تکنن ڤراساءن باݢي يڠ کهيلڠن ڤکرجاءن دان سومبر ڤنداڤتن سهيڠݢاله کڤد چابرن بارو يڠ دهادڤي اوليه ڤارا ڤلاجر دان ݢورو. چابرن ايت ترماسوقله مڤوسون سمولا بودايا کرجا ترأوتام ايچ.بي.ايل. اتاو "ڤمبلاجرن دروميه" سرتا باڤق لاݢي. تاجاکا ليتتل کيدز ميليق ايس.جي.عيم. جوݢ تيدق ترلڤس درڤد چابرن اين

Covid-19 adalah bencana yang telah melanda seluruh dunia dalam waktu yang singkat. Kesannya pada kesihatan mental juga mengejutkan kerana ramai yang terjejas dek perubahan kehidupan yang begitu ketara dalam masa pendek. Kehidupan seharian berubah terutama sekali pada masa pemutus litar (circuit breaker, CB) atau penutupan yang membuat orang terkurung di rumah pada masa yang ditetapkan.

Apabila tidak ada peluang untuk keluar selain daripada mendapatkan keperluan asas seperti makanan dan untuk bersenam, minda akan tertekan kerana terperangkap dalam ruang rumah yang terhad. Dengan semua ahil keluarga terhimpun dalam bawah satu bumbung sehari-semalam, ketidakselesaan vmenggunakan kekerasan) boleh membuat seseorang itu mengalami kemurungan atau gangguan kebimbangan. Remaja-remaja yang tidak dapat bersua dan bergembira dengan rakan-rakan juga bosan dan tertekan. Apabila keluar pula, perlu memakai pelitup yang melemaskan dan memastikan jarak sosial.

## IMPAK KE ATAS KESIHATAN MENTAL

### Tekanan kewangan

Covid-19 juga memberi impak kepada ekonomi dan ramai yang hilang pekerjaan atau terpaksa menerima gaji yang lebih rendah. Dengan bil-bil yang perlu dilunaskan, serta pinjaman-pinjaman yang berbunga tinggi, stres kepada individu-individu begitu ketara, sehingga ada yang memutuskan untuk membunuh diri. Ramai juga yang bermain dengan idea tersebut dan panggilan kepada talian krisis bergelonjak, di Amerika, sebanyak lebih dari 800 peratus kali. Panggilan kepada talian dan langganan kepada khidmat kesihatan mental di Singapura juga meningkat dengan kadar tinggi. Bagi anggota SGM, mereka ada jalan keluar dengan cara mendapatkan pinjaman mudah daripada SGM dengan kadar faedah yang rendah.

### Bekerja di rumah

Bagi mereka yang bekerja di rumah, ia memakan masa untuk membuat penyesuaian. Dengan anak-anak dan isteri dan juga orang tua dan mungkin adik-beradik terperap dalam satu ruang yang kecil, sukar untuk membahagi masa dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada pekerjaan dibandingkan apabila bekerja di pejabat dengan kebebasan untuk bergerak di luar. Ini melahirkan tekanan mental dan emosi. Apatah lagi bila mesyuarat diadakan di Zoom berkali-kali dalam sehari, otak dan mata pun lelah, hilangah kesabaran dan mudah naik berang.





## IMPAK KE ATAS PARA GURU-PENGALAMAN SEORANG GURU

Para guru juga terasa dengan perubahan yang disebabkan olen. Kesannya mula dirasakan semasa penggal 2, tahun 2020, bermula. Kementerian Pelajaran telah memberi arahan agar mereka yang telah ke luar negara semasa cuti sekolah bulan March tidak dibenarkan pulang ke sekolah seperti biasa sehingga mereka telah tamat tempoh sekatan selama empat belas hari dari tarikh kita pulang ke Singapura. Arahan ini dikemukan kepada pelajar dan juga guru-guru. Oleh kerana itu, saya tidak dapat pulang ke sekolah kerana telah ke Johor Bahru semasa cuti sekolah. Saya juga diberitahu bahawa terdapat lebih dari 20 orang guru dari sekolah saya yang terpaksa duduk di rumah atas arahan yang sama. Mereka yang tidak terjejas terpaksalah mengambil alih tugas mengajar murid-murid guru yang tidak hadir di sekolah.

Tidak lama kemudian, pemerintah Singapura terpaksa memulakan CB sebagai langkah mengawal penularan wabak ini. Selain CB, guru-guru harus menyesuaikan diri dengan singkatan-singkatan lain yang digunakan oleh pihak pemerintah dan kementerian. Antaranya termasuklah:

Antaranya termasuklah:

**SLS (Student Learning Space)**
Sebuah platform untuk guru-guru berkomunikasi dengan murid-murid dan ibu bapa serta memberikan latihan dalam subjek masing-masing.

**SHN (Stay Home Notice)**
Arahan untuk duduk di rumah dan jangan datang ke sekolah baik bagi guru mahupun pelajar disebabkan jangkitan Covid-19.

**HQO (Home Quarantine Order)**
Arahan untuk menjalankan kuarantin terhadap diri sendiri dan mungkin juga keluarga akibat perjalanan di luar negara atau jangkitan Covid-19.

**AA (Approved Absence)**
Ketidakhadiran pelajar atau guru yang diluluskan oleh pihak pengurusan sekolah atas sebab-sebab kesihatan atau keperluan keluarga yang munasabah.

**WFH (Work From Home)**
Untuk guru-guru dan staf sekolah, di mana guru akan berkomunikasi dengan para pelajar (yang juga belajar di rumah dalam suasana HBL [home-based learning]) melalui SLS dan menyampaikan pengajaran melalui platform Zoom.

Selain dari itu, dalam masa yang singkat, para guru harus menyesuaikan diri dengan kaedah-kaedah teknologi seperti Webinar, Zoom, Googlemeet dan macam-macam lagi bagi memastikan bahan pengajaran boleh disediakan dan dikirimkan kepada murid-murid dan pengajaran dijalankan dalam alam maya.

## JADUAL BAHARU

Apabila mulanya CB, beginilah jadual harian saya setiap hari:

| AWAL PAGI |
|---|
| Pastikan tugasan SLS sudah disediakan dan diberikan kepada murid-murid |
| Siapkan tugasan untuk hari seterusnya bagi dua peringkat |
| Jalankan pengajaran dalam talian melalui kaedah Zoom |
| **TENGAHARI** |
| Menghadiri mesyuarat melalui kaedah Googlemeet (jika ada) |
| Pastikan semua murid telah membuat tugasa SLS masing-masing |
| Menelefon murid-muid yang tidak membuat tugasan mereka |
| Menyediakan laporan harian |
| **PETANG DAN MALAM** |
| Sambung dengan persiapan tugasan harian |
| Menyiapkan bahan bagi sesi pengajaran dalam talian |

Selain dari jadual tersebut, semua guru harus membuat perancangan tentang pengajaran bagi minggu seterusnya. Setiap minggu pasti ada mesyuarat tambahan bagi jabatan masing-masing.

Walaupun para guru bekerja dari rumah, cabaran yang berbeza dihadapi oleh para guru. Banyak masa diluangkan bagi persiapan pengajaran dalm talian dan juga SLS. Beberapa guru ada mengadu mereka menghadapi masalah membahagikan masa untuk tugas dan juga menjaga anak-anak mereka yang juga berada di rumah dan sepatutnya membuat tugasan mereka.

Banyak keluhan telah saya dengar dari para guru sepanjang episod pemutus litar ini. Namun, kami para guru tidak akan putus semangat dan terus dengan amanah kami sebagai seorang guru, iaitu itu mendidik generasi akan datang dengan sebaik mungkin, walau apa pun cabarannya, Insya Allah.

## IMPAK KE ATAS TAJAKA KIDZ

Setelah dua bulan sekolah-sekolah ditutup pada awal tahun 2020, perkhidmatan tajaka kami dibuka semula secara beberapa fasa. Namun, sekolah-sekolah tajaka dikehendaki mengikut langkah-langkah pencegahan dan keselamatan yang dikuatkuasakan oleh badan kerajaan "Early Childhood Development Agency Singapore" berpandu undang-undang pihak Kementerian Pasukan Pertugas.

Antara langkah-langkah tersebut adalah, murid-murid yang berumur 2 tahun keatas harus memakai pelitup atau pelindung muka semasa di sekolah, menjaga jarak keselamatan antara murid-murid dan guru-guru, mengelakkan daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang memerlukan sentuhan fisikal dan memastikan jumlah kanak-kanak didalam sebuah kelas atau kumpulan tidak melebihi had yang dicadangkan. Selain itu, pihak sekolah juga harus menerapkan sikap kepentingan menjaga kebersihan diri kepada murid-murid.

### Persiapan

Beberapa hari sebelum perkhidmatan dibuka semula, guru-guru gigih mendirikan perisai meja yang dibuat menggunakan papan beralun yang kemudian dibalut plastik. Perisai meja ini merupakan antara usaha pihak sekolah untuk mengurangkan komunikasi antara satu sama lain semasa di meja dan mencegah penularan virus. Perisai-perisai meja ini juga harus dibersihkan menggunakan ubat pembasmi virus setelah selesai digunakan.

Walaupun sukar untuk guru-guru mengikuti langkah-langkah tersebut, keadaan ini lebih sukar untuk murid-murid terutama sekali peringkat umur yang lebih rendah. Dalam waktu yang singkat, murid-murid harus menyesuaikan diri dengan cara baru yang agak bertentangan dengan sifat mereka yang ingin berinteraksi, berkongsi dan bermain bersama rakan dan memerlukan aktiviti luar darjah. Namun, guru-guru kreatif dalam memastikan kadar penyesuaian murid-murid lancar dan aktiviti-aktiviti kurikulum tetap menarik buat mereka.

Walaupun langkah-langkah ketat ini merupakan sebuah cabaran yang besar untuk sektor Pendidikan Awal Kanak-Kanak, kami bersepakat untuk mengatasinya dan tidak membiarkan kesan Covid-19 ini mematahkan semangat kami.

Secara purata, ibu bapa telah meluahkan rasa puas hati dan kagum dengan kegigihan dan usaha pihak sekolah dalam membantu kanak-kanak mengikuti langkah-langkah pencegahan dan keselamatan. Tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan kami dapat dicapai atas sikap bersatu-padu, saling memahami kesukaran setiap individu dan sering memberi sokongan kepada rakan-rakan sekerja. Bak kata pepatah, "Berat sama dipukul, ringan sama dijinjing."

### Kesan yang berlarutan

Masa ini, satu dunia berkejaran untuk memvaksinasikan rakyat mereka. Kesannya ke atas kesihatan mental akan berlarutan dan ini amat membimbangkan, lebih-lebih lagi dengan kemiskinan, pergelutan politik dan peperangan di banyak negara. Rakyat mereka mengalami trauma minda, emosi dan fizik, yang tidak boleh dibayangkan.
Sedih tapi benar.

Diharapkan bantuan bagi mereka yang terkesan dengan endemik ini akan terus dipertingkatkan dan isu kesihatan mental dapat dibincang secara terbuka dengan tujuan untuk sama-sama meraih penyelesaian yang berkesan lagi berlanjutan.



# KATA-KATA HIKMAH DARI NEGERI CHINA

OLEH: PROFESOR MADYA
DR. KAMSIAH ADBULLAH

...سكيلس ارتيكل دالم توليسن جاوي

دالم ارتيكل اين ڤروفيسور كمسية مڤناraيكن 40 كات حكمة يڠ برأصل دري تانه بسر چينا، ترماسوق ڤريبهاس. موڠكينكه ڤنچاڤاين مريک دالم بيدڠ ايكونومي ڤد كتيک اين دسببكن اوليه كات٢ حكمة اين؟

Kita pernah mendengar pepatah "tuntutlah ilmu walau ke negeri China". Negara China dikenal dengan wilayahnya yang luas dan mempunyai penduduk yang terbanyak di dunia hingga mencapai berbilion jiwa. Peradaban bangsa China sejak zaman dahulu dikenali memiliki ilmu yang sangat tinggi berbanding dengan bangsa-bangsa lain pada zaman lampau. Misalnya tentang ilmu pengetahuan, perubatan, dan kebudayaan. Bahkan, kini negara itu telah mempunyai pengaruh besar terhadap ekonomi dunia, dan ditempatkan sebagai sebuah adinegara (super power).

Ramai ahli falsafah dari China yang disegani dunia. Mereka memiliki pepatah atau kata-kata mutiara yang menggambarkan tentang nilai-nilai kehidupan. Contohnya, Lao Tzu, seorang penulis Tiongkok kuno, yang mengajarkan tentang hidup sederhana. Begitu juga Confucious seorang ahli falsafah agung yang diikuti oleh sebahagian besar orang-orang berketurunan Cina.

Kata-kata bijak pepatah Cina tentang kehidupan dan etika ini dikenal dan diamalkan oleh banyak orang di berbagai bagai negara termasuk Singapura yang didominasi masyarakat China. Berikut ialah lebih daripada 40 kata-kata hikmat dan falsafah Cina tentang kehidupan.



## PEPATAH CINA

1. "Mereka yang berbuat buruk dan takut ketahuan, hati nuraninya tertekan. Mereka harus diberi kesempatan bertaubat dan kembali ke jalan yang benar."

2. Mereka yang berjasa dengan berharap pujian, pada dasarnya busuk."

3. "Di mana ada pengetahuan dan perasaan kalah dan menang, kegembiraan dan kesedihan juga ada. Berhasil mengatasi baik dan buruk, kalah dan menang, adalah keberuntungan sejati."

4. "Langit adalah adil, dan tidak ada orang yang dikecualikan. Yang boleh menolong dirimu adalah dirimu sendiri."

5. "Godaan dari luar membuat seseorang lupa daratan sedangkan ketamakan membuat orang bodoh. Orang harus waspada selalu agar kemurnian sifatnya terpelihara."

6. "Baik buruknya segala sesuatu di dunia, tergantung pandangan seseorang."

7. "Orang yang berkata bahwa sesuatu tidak dapat dikerjakan tidak boleh mengganggu orang yang sedang mengerjakannya."

8. "Kebanyakan orang hanya mencari status dan kekayaan, tetapi di dalam dunia ini berapa banyak yang bisa diperoleh? Bintang-bintang dan bulan, gunung-gunung dan air mengalir, setiap kuntum bunga dan setiap kelompok rumput, semua ada di sana untuk kamu nikmati."

9. "Kebanyakan orang hanya mencari status dan kekayaan, tetapi di dalam dunia ini berapa banyak yang bisa diperoleh? Bintang-bintang dan bulan, gunung-gunung dan air mengalir, setiap kuntum bunga dan setiap kelompok rumput, semua ada di sana untuk kamu nikmati."

10 "Tidak memikirkan masa lalu dan masa depan, tetapi nikmati satu saat ke saat lainnya adalah keberuntungan sejati."

11. "Jangan takut bila punya salah dan kekurangan. Lebih buruk lagi bila tahu salah tetapi tidak memperbaikinya."

12. "Sifat manusia pada dasarnya baik tetapi sering ditutup keinginan-keinginan, sehingga mendadak kehilangan daya lihatnya."

13. "Bila ada cahaya dalam jiwa, maka akan hadir kecantikan dalam diri seseorang. Bila ada kecantikan dalam diri seseorang.akan hadir keharmonisan dalam rumah tangga. Bila ada keharmonisan dalam rumah tangga, akan hadir ketertiban dalam negara. Dan bila ada ketertiban di dalam negara, akan hadir kedamaian dunia"

14. "Godaan dari luar membuat seseorang lupa daratan sedangkan ketamakan membuat orang bodoh. Orang harus waspada selalu agar kemurnian sifatnya terpelihara."

15. "Surga dan neraka bukanlah tempat di mana orang akan pergi setelah mati, melainkan di sini dan sekarang. Baik dan jahat semuanya ada di dalam pikiran, dan pintu ke surga atau neraka akan terbuka untukmu bila-bila saja."

16. Kesederhanaan membawa kepuasan dan semua hal akan tumbuh dengan baik, dalam ketiadaan akan sesuatu yang berantakan dan rumit."

17. "Lestarikan sumber daya kamu, dan jangan biarkan orang lain melakukan apa yang mampu kamu lakukan sendiri!"

18. "Belajarlah untuk tidak menyalahkan orang lain, belajarlah untuk lebih menghargai orang lain, karena kita perlukan orang Lain."

19. "Bila ketamakan muncul, pengetahuan intuitif seseorang tentang yang baik ambruk. Maka ia tak dapat membedakan benar dan salah sehingga muncul ketidak-acuhan dan kebodohan."

20. "Seseorang yang memperlakukan orang dengan kasih dan berkemanusiaan akan bertindak sesuai kebenaran. Dia tidak akan membiarkan orang lain mempengaruhinya tetapi ia membuat asas hidupnya sendiri. Mengapa membiarkan diri terjebak kemasyuran dan kekayaan ?

21. "Berhati-hati di saat awal, bertindak dengan waspada, merupakan kunci menuju keberhasilan."

22. "Jika seseorang bekerja hanya sebatas kebutuhannya, dia seorang budak. Jika seseorang bekerja melebihi kebutuhannya, dia seorang yang bebas."

23. "Jika kamu memberikan uang saku kepada orang lain, mereka juga akan memberimu peluang."

## KATA-KATA LAO TZU

24 "Dia yang mengalahkan orang lain adalah kuat. Dia yang menaklukkan dirinya sendiri adalah perkasa."

25. "Jika kamu tidak mengubah arah, kamu mungkin boleh berakhir ke arah yang kamu tuju."

26. "Lakukan hal-hal sulit selagi mudah dan lakukan hal-hal besar saat hal itu masih kecil."

27. "Dia yang berbicara lebih banyak akan cepat lelah."
28. "Perbuatan besar terdiri dari perbuatan-perbuatan kecil."

29. "Perjalanan seribu mil harus dimulai dengan satu langkah."

30. "Saya hanya memiliki tiga hal untuk diajarkan: kesederhanaan, kesabaran, belas kasihan. Ketiganya adalah harta terbesar kamu."

31. "Ketika kamu menerima diri kamu sendiri, seluruh dunia pun menerima kamu."

32. "Hidup adalah serangkaian perubahan alami dan spontan. Jangan melawan mereka – itu hanya menciptakan kesedihan. Biarkan kenyataan menjadi kenyataan. Biarkan segala sesuatu mengalir secara alami berlangsung dengan cara apa pun yang mereka suka."

## KATA-KATA CONFUCIUS

33. "Segala sesutu memiliki keindahannya sendiri, tetapi tidak semua orang bisa melihat keindahannya."

34. "Merupakan kebijaksanaan yang sempurna terjadi ketika kita mampu mempraktikkan lima hal dalam keadaan yang bagaimana pun. Kelima hal tersebut adalah: tidak bergeming (apa pun keadaannya), kemurahan jiwa, ketulusan, kesungguhan hati, dan kebaikan. "

35. "Ketika kita melihat orang-orang dengan karakter yang bertentangan dengan kita, kita seharusnya melihat dan menilai karakter diri kita sendiri."

36. "Hargailah diri kamu sendiri, maka orang lain pun akan menghargai kamu". -Confuc. "Dia yang tidak bersikap ekonomis (pada akhirnya) pasti akan menderita."

38. "Saya mendengar dan saya lupa. Saya melihat dan saya ingat saya melakukan dan saya pun mengerti."

39. "Keberhasilan terbesar kita bukanlah karena tidak pernah gagal, tetapi bagaimana kita bangkit setiap kali kita mengalami kegagalan."

40. Orang-orang yang kuat mencari sesuatu potensi di dalam dirinya sendiri. Sementara orang yang lemah mencari sesuatu potensi pada diri orang lain."

41. "Lupakan kesalahan, tetapi jangan pernah lupakan kebaikan."



# DARI DAPUR SGM



Assalamualaikum Wr Wbr.

Buat semua yang membaca ebook ini.

Resipi-resipi ini adalah karya suami penulis. Beliau adalah seorang pakar dalam memasak.

Maka resipi yang berbagai tercetus, melalui ilham atau tunjuk ajar dari ibu beliau. Masakan beliau mempunyai ramai peminat, tentunya dari Kota Singapura, dan juga negara jiran seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Untuk tidak kehilangan resipi-resipi ini maka ebook ini tercetus. Moga yang gemar dan juga mencari-cari resipi Insya Allah boleh didapati melalui ebook ini.

Penulis akan usaha untuk terus menulis bersiri, Insya Allah hingga semua resipi terkumpul. Moga amal jariah ini berpanjangan buat suami penulis dan keluarga.

Sekian.

PUAN ZUBAIDAH BTE ZAINAL ABIDIN



## BISTEAK DAGING

### BAHAN A

Daging Lembu - 1 kilo (dipotong tipis memanjang)
Halia - 2 inci
Bawang Putih - 7 biji
Serbuk Ketumbar - ½ sudu kecil
Serbuk Jintas Halus - ½ sudu kecil
Serbuk Jintan Kasar - ½ sudu kecil
Air Suam - 5 cawan
Minyak Masak - 3 sudu besar

### BAHAN B

Ubi Kentang - 5 biji (dipotong 6 memanjang)
Bawang Besar - 3 biji (dihiris memanjang)
Sos Tomato - 1 botol kecil
Sos Cili - ½ botol kecil
Lada Merah - 2 batang (dihiris kasar)
Lada Hijau - 2 batang (dihiris kasar)
Air Suam- 3 cawan
Garam - ½ sudu kecil

### CARA MASAK BAHAN A

1. Panaskan minyak dalam kuali, masukkan daging.
2. Masukkan bahan A tadi dengan air suam juga. Gaul rata dan tunggu sampai daging empuk.

### CARA MASAK BAHAN B

1. Masukkan ubi kentang dan air suam 3 cawan ke bahan A.
2. Tunggu sampai ubi empuk . Kemudian masukkan sos tomato dan sos cili .
3. Masukkan semua bahan yang dihiris: bawang besar , lada merah dan hijau
4. Akhir sekali , masukkan garam dan daun ketumbar . Digaul rata pelan pelan.



## AYAM KAMPUNG MASAK MERAH

### BAHAN

Ayam Kampung - 1 ekor (potong 12)
Kayu Manis - 2 inci
Buah Pelaga - 3 biji
Bunga Cengkih - 3 kuntum
Bunga Lawang - 2 kuntum
Halia - 3 inci
Bawang Putih - 8 biji
Buah Pala Putih - 2 biji
Cili Kisar - 2 sudu besar
Tomato Puri - 5 sudu besar
Lada Hijau / Merah - 3 batang
Air - 10 cawan
Minyak Masak - 5 sudu besar
Garam - 1 sudu kecil
Daun Ketumbar - 1 pokok (dihiris kasar)
Bawang Goreng - 5 sudu besar

### CARA MASAK

1. Panaskan minyak dalam periuk dan masukkan 4 sekawan .
2. Kemudian masukkan semua bahan bahan yang telah dikisar halus . Tumis sampai wangi . Masukkan daun pudina.
3. Masukkan bawang hiris , cili kisar , tomato puri dan 2 cawan air. Gaul hingga rata selama 8 minit
4. Cuci ayam dengan air dan 1 sudu kecil garam. Langsung masukkan ke dalam periuk . Kemudian masukkan 8 cawan air dan 1 sudu kecil garam, daun ketumbar dan bawang goreng.



## DAGING KAMBING MASAK KURMA

### BAHAN A

Daging Kambing - 1 kilo
Minyak Masak - 5 sudu besar
Halia - 2 inci
Bawang Putih - 8 ulas
Lada Hijau - 8 batang dikisar
Kayu Manis - 2 inci
Bunga Cengkih - 5 kuntum
Bunga Lawang - 3 kuntum
Bunga Pelaga - 5 biji
Air - 5 cawan
Rempah Kurma - 7 sudu besar

### BAHAN B

Gajus 10 biji
Tomato Buah 3 biji
Lada Merah 3 batang
Lada Hijau 3 batang
Bawang Goreng 3 sudu besar
Garam 1 sudu kecil
Air 5 cawan
Daun Pudina - 5 batang (diambil daunnya)
Daun Ketumbar - 1 pokok (dibuang akar , dipotong kasar)

### CARA MASAK BAHAN A

1. Panaskan minyak dalam periuk dan masukkan 4 sekawan dan serbuk ketumbar
2. Tumiskan semua bahan bahan yang dikisar
3. Masukkan bawang hiris . Bila bawang sudah layu , masukkan rempah kurma dan daun pudina.
4. Tumis hingga bau rempah wangi dan masukkan daging kambing dengan 5 cawan air, digaul rata.
5. Periuk ditutup supaya lebih cepat masak

### CARA MASAK BAHAN B

1. Buka periuk yang ditutup tadi , masukkan biji gajus dan pastikan dagingnya empuk
2. Tambah air 5 cawan lagi dan digaul rata.
3. Masukkan susu cair sambil kacau rata.
4. Akhir sekali , masukkan tomato dan lada merah / lada hijau .
5. Tidak ketinggalan daun ketumbar dan bawang goreng.

# TIPS

• Daging lembu bila mana dipotong tipis mengikut jalurnya daging daging akan cepat empuk. Setiap masakkan ada “style” potongan tersendiri.

• Bahan bahan masakan perlu dicuci dengan melalukan air supaya makanan yang dihidang bersih dan suci mengikut syariat Islam.
• Masakan boleh ditambah dengan ubi kentang dan lobak merah untuk muaikan masakan.

• Semua masakan elok digaul mengikut pusing tawaf, sambil berselawat.
